

1,647 kes baharu positif Covid-19

Sembilan kematian dengan jumlah kes aktif terus turun kepada 17,544 kes

KUALA LUMPUR

Malaysia mencatat 1,647 kes baharu Covid-19 dengan sembilan kematian pada Khamis.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes sembuh pula adalah 2,104 menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh dalam negara adalah 300,620.

“Daripada kes baharu hari ini (Khamis), ia melibatkan kes tempatan sebanyak 1,642 kes iaitu 1,102 warganegara dan 540 bukan warganegara, manakala lima lagi adalah kes import,” katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan, Selangor masih melaporkan kes harian baharu paling tinggi iaitu 712 kes, diikuti Johor (170 kes) dan Pulau Pinang (169 kes).

Sementara itu, sebanyak 147 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 61 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata, sembilan kematian yang direkodkan pada Khamis kesemuanya melibatkan warga tempatan



DR NOOR HISHAM

dengan empat kes di Selangor; dua di Johor dan masing-masing satu kes di Perak, Kelantan serta Kuala Lumpur.

Beliau berkata, sebanyak lima lagi kluster baharu dikenal pasti melibatkan tiga kluster berkaitan tempat kerja serta masing-masing satu kluster berkaitan komuniti dan pusat tahanan.

“Kluster tempat kerja dikesan di Johor iaitu Teknologi Tenggara dan Jalan Masyhur Enam serta satu di Selangor ia-

itu Tapak Bina Jalan Kenangan. Kluster komuniti dikesan di Jambatan Satu Bombalai (Sabah) dan kluster pusat tahanan iaitu DTI Machap Umboo, Melaka,” katanya.



Tegas beliau, ini menjadikan jumlah kluster aktif kini 440 kluster dengan 65 daripadanya mencatatkan pertambahan kes baharu pada Khamis.

“Kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada Khamis adalah Kluster Tapak Bina Queens Waterfront iaitu 70 kes, Kluster Industri Sungai Gadut (68 kes) dan Kluster DTI Machap Umboo (67 kes),” katanya. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 11 Mac 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
319,364	300,620	147	1,200	+1,647

